

Kuala Lumpur: Pakar politik berpendapat Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mempunyai strategi tersendiri apabila buat pertama kalinya tidak meletakkan jawatan timbalannya sebaliknya melantik empat menteri kanan dalam barisan Kabinet.

Profesor di Jabatan Pengajian, Kenegaraan dan Ketamadunan Universiti Putra Malaysia Prof Dr Zaid Ahmad (**gambar**) berkata, perubahan baharu itu mengubah lanskap pentadbiran negara apabila mempertaruhkan empat jawatan menteri kanan yang sebelum ini tidak wujud.

Strategi PM wujudkan empat menteri kanan

“Dalam konteks ini Perdana Menteri seperti menubuhkan pasukan bola sepak seolah-olah sedang mempersiapkan pasukannya untuk berdepan cabaran besar yang kita hadapi sekarang seperti ekonomi dan sebagainya.

“Dengan mewujudkan jawatan khas seperti itu, saya ingat mungkin beliau ada sesuatu strategi dan kejutan baharu kerana jika menteri kanan itu fungsi dan peranannya sama saja seperti menteri lain, saya ingat tidak perlu wujudkan jawatan

itu.

“Saya jangkakan kemungkinan menteri kanan ini mempunyai fungsi lebih besar khususnya boleh mempengaruhi Jawatankuasa Kabinet dalam menangani perkara tertentu,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, daripada segi kombinasi barisan Kabinet tiada masalah berikutan lantikan itu disifatkan seimbang dan inklusif, namun cabaran lebih besar ialah rakyat sedang menanti apakah keutamaan kerajaan baharu ini.

“Saya tengok ada juga muka lama yang pernah menjadi menteri dan timbalan menteri berada dalam barisan Kabinet kali ini bergabung bersama muka baharu.

“Cuma apa yang lebih penting kini rakyat ingin mengetahui apakah senarai keutamaan mereka kerana kita tahu kerajaan baharu ini tiada manifesto dan bukan menang atas tiket pilihan raya.

“Jadi mereka perlu bentangkan kepada rakyat apa yang hendak dibuat, senarai

keutamaan dan bagaimana Kabinet ini boleh menangani permasalahan dihadapi rakyat terutama kos sara hidup, ekonomi dan sebagainya,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pengajian Perangsa-raf Media dan Informasi Universiti Teknologi Mara Profesor Madya Datuk Dr Ismail Sualman berkata, kepakaran dan pengalaman setiap ahli barisan kabinet yang dilantik Perdana Menteri memberi nafas baharu terhadap geo-politik dan geo-ekonomi negara.



“Saya percaya bahawa selepas ini negara-negara luar juga akan melihat negara kita dan berminat untuk menjalankan urusan perkhidmatan dan pelaburan,” katanya.